

Keputusan beberapa rentisan graviti di selatan Semenanjung Malaysia

Abdul Rahim bin Hj. Samsudin, Jabatan Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Enam rentisan graviti telah dilakukan ke atas beberapa singkapan batuan di selatan Semenanjung Malaysia. Profil graviti yang diperolehi jelas menunjukkan nilai anomali minimum di kawasan granit. Bentuk dan kedalaman jasad granit telah diperolehi dengan melakukan pemodelan dua-metra. Teknik pemodelan ini menggunakan program graviti dua-metra yang telah diubahsuai dan dilakukan dengan pertolongan mikrokomputer. Implikasi model yang diperolehi terhadap struktur kerak bumi Semenanjung Malaysia turut diperbincangkan.
